

# Analisis Hukum Kanun Pahang dari Aspek Ciri Perlembagaan Moden

**BITARA**

Volume 6, Issue 4, 2023: 220-233  
© The Author(s) 2023  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 14 November 2023  
Accepted: 24 November 2023  
Published: 26 December 2023

## [Analysis of The Law of The Pahang Code from The Aspect of Modern Constitutional Features]

Wan Ahmad Fauzi Hashim @ Wan Husain <sup>1\*</sup>

1 Institut Antarabangsa Pemikiran Islam dan Tamadun, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, MALAYSIA & Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah 26600 Pekan Pahang, MALAYSIA  
E-mail: wanfauzi@iium.edu.my

\*Corresponding Author: wanfauzi@iium.edu.my

### Abstrak

Pahang merupakan sebuah kerajaan tua di Tanah Melayu. Sebagai sebuah kerajaan, secara amalnya terdapat sistem yang mengawal urusan pemerintahan dan perhubungan antara pelbagai pihak dalam aspek kenegaraannya. Apatah lagi kemudiannya Pahang sebagai sebuah kesultanan berdaulat, pastinya mempunyai pemerintahan dan undang-undangnya yang tersendiri. Hukum Kanun Pahang adalah bukti satu tahap ketamadunan yang telah dicapai oleh pemerintahan tradisional di Tanah Melayu. Artikel ini bertujuan untuk menyiasat Hukum Kanun Pahang dari aspek ciri sebuah perlembagaan moden. Kajian ini ialah kualitatif bereka bentuk analisis undang-undang menggunakan jurisprudens watan. Analisis ini memeriksa prinsip kedaulatan dan ciri perlembagaan yang terkandung dalam Hukum Kanun Pahang. Buku berjudul Sejarah Pahang karangan Haji Buyong Adil (1972) dijadikan sebagai sumber utama rujukan sejarah. Kajian ini tidak bermaksud untuk membincangkan setiap elemen dalam ciri perlembagaannya. Dapatan menunjukkan bahawa konsep raja berperlembagaan di Tanah Melayu bukanlah suatu yang asing. Raja Melayu memerintah berpaksikan ajaran agama Islam yang diterjemahkan melalui adat Melayu, tidak seperti ditohmahkan melalui frasa bersultan di hati beraja di mata.

**Kata kunci:** Kesultanan Pahang, Hukum Kanun Pahang, Jurisprudens watan, Raja berperlembagaan, Negeri Melayu berdaulat.

### Abstract

Pahang is the old government in Malaya. As a government, there must be, in practice, a system that regulates government affairs and relations between various parties in the sphere of its statehood. Pahang, being a sovereign sultanate, certainly has its own rules and laws. The law of the Pahang Code is a testament to the degree of civilisation achieved by the traditional rule in Malaya. This article aims to investigate the Law of the Pahang Code from the characteristics of a modern constitution. This study is a qualitative legal analysis using Watanic jurisprudence. This analysis examines the principles of sovereignty and constitutional features embedded in the Law of the Pahang Code. The book entitled *Sejarah Pahang*, written by Haji Buyong Adil (1972), was used as the main source of historical reference. This study does not intend to discuss every element of its constitutional characteristics. The findings showed that the concept of constitutional Monarchy in Malaya is not alien. Malay rulers ruled based on the teachings of Islam transformed through Malay customs, as opposed to the phrase “Bersultan di hati beraja di mata”.

**Keywords:** Sultanate of Pahang, Law of the Pahang Code, Watanic Jurisprudence, Constitutional ruler, Sovereign Malay State.

**Cite This Article:**

Wan Ahmad Fauzi Hashim @ Wan Husain. (2023). Analisis Hukum Kanun Pahang dari Aspek Ciri Perlembagaan Moden [Analysis of The Law of The Pahang Code from The Aspect of Modern Constitutional Features]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(4): 220-233.

## Pengenalan

Pahang merupakan sebuah kerajaan tua di Tanah Melayu. Sebelum Kesultanan Melayu Melaka didirikan pada awal kurun ke 15, Pahang pernah berada di bawah Empayar Melayu Sriwijaya hingga selewat-lewatnya pada awal kurun ke-13M. Sama ada sebuah kerajaan ataupun negeri yang tunduk di bawah pengaruh penguasa politik, pastinya terdapat sistem yang mengawal urusan pemerintahan dan perhubungan antara pelbagai pihak dalam aspek kenegaraannya.

Kitab undang-undang Siam bernama Kot Month'ienban (Undang-Undang Istana) menyebut pada tahun 1280M, Kerajaan Siam-Thai yang berpusat di Sukhotai sedang bermusuhan dengan Empayar Melayu Sriwijaya kerana berebut wilayah utara Semenanjung Tanah Melayu. Pada awal kurun ke 19 akhirnya Kerajaan Siam-Thai berjaya menundukkan Kerajaan Melayu Patani dan memecahkan wilayahnya kepada tujuh buah daerah.

Kajian Buyong Adil (1972) menunjukkan Ligor diperintah oleh raja Melayu yang tidak beragama Islam kerana sejak dari tahun 775, Ligor dikuasai Kerajaan Melayu Sriwijaya. Keterangan itu diperolehi daripada batu bersurat yang ditemui di Lopburi, Thai yang tercatat bahawa Kerajaan Tamberalingga (Ligor) ialah kerajaan Melayu. Kira-kira dalam tahun 1292M Ligor dikalahkan oleh Rama Khamheng, raja Siam-Thai lalu menamakannya Nakhon Seri Tammarat.

Dapatan Buyong Adil menunjukkan Raja Pahang sehingga tahun 1454 sebelum ditewaskan oleh Kesultanan Melayu Melaka di Pura (kini Pekan) sudah pun bertaraf Maharaja, dengan gelaran Maharaja Dewa Sura. Anakanda Maharaja Dewa Sura bernama Puteri Wanang kemudiannya memeluk agama Islam dan diperisterikan oleh Sultan Mansor Shah Melaka lalu digelar Puteri Lela Wangsa.

Artikel ini bertujuan untuk menyiasat Hukum Kanun Pahang dari aspek ciri sebuah perlembagaan moden. Perbincangan tentang perlembagaan merupakan satu tajuk penting kerana masih ramai beranggapan Tanah Melayu hanya menerima konsep raja berperlembagaan apabila British mula campur tangan dalam hal ehwal Negeri Melayu.

## Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini ialah kualitatif bereka bentuk analisis undang-undang menggunakan jurisprudens watan. Ia menganalisis prinsip kedaulatan dan ciri perlembagaan yang terkandung dalam Hukum Kanun Pahang. Buku berjudul Sejarah Pahang karangan Haji Huyong Adil (1972) dijadikan sebagai sumber utama rujukan sejarah. Kajian ini tidak bermaksud untuk menghuraikan setiap elemen dalam ciri perlembagaan yang diamalkan di Pahang.

Jurisprudens watan menganalisis isu undang-undang dan pentafsiran berdasarkan teks perlembagaan itu sendiri, statut, dan prinsip undang-undang yang diterima dalam kerangka kedaulatannya. Turut diperhatikan ialah sejarah tempatan dan adat untuk melihat kedudukan Hukum Kanun Pahang sebagai sebuah perlembagaan serta elemen yang ada padanya dengan ciri sebuah perlembagaan moden pada hari ini.

Adat itu merangkumi undang-undang, amalan, budaya, resam, takrifan istilah, dan mencerminkan kefahaman tempatan berhubung dengan falsafah dan linguistik. Falsafah dan linguistik yang terkandung dalam adat tempatan memberikan maklumat yang lebih sahih tentang suatu isu yang menyentuh sejarah perundangan.

Metodologi yang menjadi asas kepada jurisprudens watan diabsahkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Indira Gandhi A/P. Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors and other appeals* apabila Mahkamah Persekutuan menerima pakai kaedah pentafsiran perlembagaan oleh Mahkamah Agung Kanada seperti yang berikut:

Kaedah tafsiran perlembagaan menghendaki dokumen perlembagaan ditafsirkan dengan cara yang luas dan purposif dan diletakkan dalam konteks linguistik, falsafah, dan sejarah yang betul ... Secara amnya, tafsiran perlembagaan mesti dimaklumkan oleh prinsip asas Perlembagaan, yang merangkumi prinsip seperti federalisme, demokrasi, perlindungan minoriti, serta perlembagaan, dan kedaulatan undang-undang ... Peraturan dan prinsip tafsiran ini telah menyebabkan Mahkamah ini membuat kesimpulan bahawa Perlembagaan harus dilihat sebagai mempunyai 'seni bina dalaman' atau 'struktur asas perlembagaan'... Tanggapan seni bina menyatakan prinsip bahawa unsur individu Perlembagaan dikaitkan dengan yang lain dan mesti ditafsirkan dengan merujuk kepada struktur Perlembagaan secara keseluruhan ... Dalam erti kata lain, Perlembagaan mesti ditafsirkan untuk membezakan struktur Kerajaan yang ingin dilaksanakan.

Ciri perlembagaan moden sudah menjadi perbincangan ahli juris dan para sarjana undang-undang. Bagi maksud ini, analisis ciri perlembagaan moden akan menggunakan kerangka Hood Philip dan Jackson (2001). Menurut Hood Philip dan Jackson, perlembagaan itu adalah "*sistem undang-undang, adat dan konvensyen yang menentukan komposisi dan kuasa organ-organ negara, dan mengawal hubungan pelbagai organ negara antara satu sama lain dan kepada individu warganegara*". Inti pati daripada takrifan Hood Philip dan Jackson dijadikan kerangka untuk menunjukkan sebuah perlembagaan moden mengandungi aspek yang berikut:

1. Sistem undang-undang, adat dan konvensyen.
2. Komposisi dan organ pentadbiran negeri.
3. Pengagihan kuasa eksekutif antara organ pentadbiran.
4. Hubungan dengan rakyat.

## Pahang dalam Kesultanan Melayu Melaka

Sistem yang diwarisi oleh Kesultanan Pahang pada hari ini adalah bersusurgalurkan Kesultanan Melayu Melaka. Keakraban hubungan tersebut terus terjalin selepas Sultan Mahmud II (m.1685-1699) mangkat dijulung apabila Bendahara Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga dikurniakan wilayah pegangan di negeri Pahang. Perlu dinyatakan di sini bahawa wilayah negeri Pahang pada ketika itu tidaklah seperti sempadan yang ada pada hari ini. Latarbelakang Kesultanan Pahang perlu diketengahkan untuk memberi gambaran yang lebih jelas tentang Hukum Kanun Pahang (Wan Ahmad Fauzi, 2023).

Pada tahun 1500, raja Ligor yang bergelar Maharaja Dewa Sura diarahkan oleh raja Siam-Thai untuk merampas kembali Pahang tetapi dikalahkan oleh orang Pahang dengan bantuan angkatan perang Kesultanan Melayu Melaka, sehingga terpaksa lari ke Hulu Pahang, naik ke Kelantan dan kembali ke Ligor. Keterangan tersebut boleh menunjukkan Pahang sebelum 1454 diperintah Raja Melayu Ligor sebagai satu hipotesis.

Kedudukan Pahang dalam Empayar Kesultanan Melaka amat istimewa kerana sungguhpun berada di bawah Empayar Kesultanan Melayu Melaka, pemerintahnya bergelar Sultan. Hal ini berlaku pada 1470 apabila Raja Muhammad putera Sultan Mansor Shah bersama dengan Puteri Lela Wangsa diangkat menjadi Sultan Pahang bergelar Sultan Muhammad Shah (m.1470-1475), menggantikan wakil baginda Dato' Seri Bija Diraja. Sebagai sebuah wilayah dalam Kesultanan Melayu Melaka, Hukum Kanun Melaka merupakan perlembagaan bertulis bagi Kerajaan Pahang di bawah pemerintahan Sultan Muhammad Shah sehinggalah Sultan Alauddin Riayat Shah ibni Abdul Ghafur Muhiyuddin Shah (m.1614-1615).

Kedudukan Hukum Kanun Melaka yang merupakan sebuah undang-undang bertulis yang mengandungi undang-undang perlembagaan merakamkan kedaulatan watan Kesultanan Melayu Pahang yang berlandaskan prinsip patuh Syariah. Risalah Hoekoem Kanoen Oendang-Oendang Melaka (Van Ronkel 1919) menunjukkan dengan jelas kedaulatan watan Kesultanan Melayu Melaka yang turut dijunjung dalam pemerintahan Pahang, iaitu seperti yang berikut:

Adapun kemudian dari itu telah mengucap syukur aku akan kurnia-Nya yang telah lalu dan yang lagi akan datang. Bahawa dijadikan-Nya kiranya aku daripada umat kekasih-Nya dan umat penghulu segala rasul-Nya yang dititahnya ia membawa segala firman-Nya dan menghukumkannya segala syariat nabi yang terdahulu itu dengan berbuat adil serta melalukan amar bil-ma'ruf wa nahiya al-munkar maka jadi teranglah segala alam ini dengan cahaya agamanya. Sejahtera atasnya dan atas segala keluarganya dan segala sahabatnya dan segala umatnya. Syahadan maka dijadikan-Nya pula antara segala makhluk-Nya raja-raja; seperti firman-Nya Yang Maha Tinggi: *Inni jaa'ilun fi al-ardzi khalifah. Haza fi ar-risalati yahkumu al-qanun fil- burhani – fa al-malki al-kabir wa al-wazir. Amma ba'du.*

Kedaulatan (*sovereignty*) merupakan aspek utama yang memberikan legitimasi sekaligus mencorakkan sistem perlembagaan sebuah kerajaan atau pemerintahan. Menurut Curzon (2007), kedaulatan adalah konsep politik dan perundangan berkaitan dengan kekuasaan

agung dalam sebuah negeri. Secara umumnya menurut kerangka pemikiran kontinum yang berlandaskan pegangan keagamaan dan dikotomi yang pegangan yang membebaskan aspek awam daripada pegangan agama, atau secara keseluruhannya, kedaulatan adalah penguasa agung yang memiliki hak mutlak untuk menetapkan dasar sistem politik dan prinsip perundangan serta undang-undangnya. Penguasa agung boleh mendelegat kuasa penggubalan undang-undang kepada entiti lain tanpa menjejaskan hak mutlaknya itu. Undang-undang yang digubal oleh entiti tersebut adalah sah untuk mencorakkan sistem politik dan undang-undang sesebuah pemerintahan selagi ianya tidak bercanggah dengan dasar dan undang-undang yang ditetapkan oleh penguasa agung. Itulah maksud sebenar prinsip kedaulatan undang-undang (Wan Husain, 2017 & 2021, & Wan Ahmad Fauzi, 2018).

Kedaulatan watan (Wan Ahmad Fauzi, 2018 & Wan Husain, 2022) ialah prinsip kedaulatan yang dijunjung oleh sistem perlembagaan di Tanah Melayu, dan secara khususnya Pahang mengikut undang-undang bertulis yang mengasaskan kesultannya sebelum Hari Merdeka. Hari Merdeka ialah 31 Ogos 1957, tarikh Persekutuan Tanah Melayu dikuat kuasakan penubuhannya oleh sembilan buah Negeri Melayu berdaulat sebagai sebuah persekutuan yang bebas lagi merdeka dalam Komenwel. Prinsip kedaulatan watan seperti termaktub dalam Hukum Kanun Melaka menggariskan seperti yang berikut:

Kedaulatan watan menunjukkan kerangkanya ialah kontinum lantaran berpegang kepada ajaran Islam yang mengimani bahawa hak penetapan undang-undang tertinggi adalah milik mutlak Allah SWT seperti dijelaskan dalam *al-Qur'an* dan *al-Sunah*. Ia berasaskan kerangka konsep seperti yang berikut:

1. Kepimpinan manusia, termasuk Raja Melayu, adalah berposisi sebagai Khalifah yang dipopularkan sebagai bayangan Allah di atas bumi.
2. Berlandaskan konsep kedaulatan, undang-undang tertentu ditetapkan berserta dasar umum sistem dan prinsip perundangan yang menjadi panduan mandatori kepada manusia dalam penggubalan undang-undang.

Artikel ini akan menghuraikan ciri perlembagaan moden yang terkandung dalam Hukum Kanun Pahang.

## Perlembagaan Kesultanan Pahang

Pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Shah, Sultan Pahang Ke 12 (1592-1614), baginda telah memasyhurkan Hukum Kanun Pahang. Kelangsungan Hukum Kanun Melaka dapat dilihat dalam Hukum Kanun Pahang yang mengekalkan prinsip kedaulatan berlandaskan patuh Syariah bersekali dengan undang-undang dan prinsip perundangan Syariah serta adat Melayu dalam sistem politik tradisional.

Selepas tahun 1613, Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga berada di bawah pengaruh Aceh akibat berlaku krisis dasar luar kedua-dua buah Kerajaan Negeri Melayu itu terhadap Portugis di Kota Melaka dan Belanda. Krisis tersebut juga melibatkan Pahang dan reda buat sementara pada tahun 1637, apabila Raja Mughal putera kepada Sultan Ahmad (1590-1592), Sultan Pahang Ke 11 dilantik sebagai Sultan Aceh bergelar Sultan Iskandar Thani. Kesultanan

Acheh merupakan kesultanan Islam yang mempunyai hubungan dengan Empayar Islam Ottomaniah. Pada tahun 1637, Sultan Abdul Jalil Shah III mengisytiharkan Pahang berada di bawah kekuasaan Kesultanan Johor-Riau Lingga. Menurut Hukum Kanun Pahang (versi Winstedt & Kempe), Hukum Kanun Pahang itu juga terpakai di Johor dan Perak. Kedudukan tersebut menunjukkan bahawa prinsip kedaulatan watan masih terpelihara dalam pemerintahan Pahang.

Peruntukan Hukum Kanun Pahang dipetik di sini untuk membuktikannya memenuhi aspek yang disyaratkan bagi sebuah perlembagaan bertulis moden. Ia mengandungi setiap aspek atau ciri seperti yang berikut:

### **Sistem undang-undang, adat dan konvesyen**

Al-hamdu lilahi rabbi l-'alamin, wa'l-'akibatu li'l-muttaqin wa'l-salawatu wa'l-salamu la'l- sayyidina Muhammadin wa' alihi wa-l-sahabihi ajma 'in. Waba'dahu fahadhihi'l-risala'l muhta'raza fi bayah mustalahat... al-muluk wa l-wuzara Pahang dar al-Islam, hafizahu' llah ta'ala 'an al-afat wa'l-inhidam (?) fakana bahiman fi bayah mustalahat... al-muluk wa'l-wuzara Pahang dar al-Islam, humam al-mu'azzam, al-jalil al-muhtaram, al-fadil bifadl illah, al-malik al-mu'azzam Sultan 'Abd al-Ghafur, wa badhdha 'adlahu wa-husnahu, wa-'amma fadalahu wa-alamahu wa'ala amrahu wa-sha'nahu awdaha 'ala l-'alamin birrahi wa-burhanahu, wa-atala 'umrahu wa-qawwahu.

Maka inilah surat risalat yang simpan pada menyatakan pekerjaan segala raja-raja dan segala wazirnya di dalam negeri Pahang dan Perak dan Johor daripada masa Sultan yang amat besar kerajaannya, iaitu Sultan 'Abd al-Ghafur yang dikekalkan atas kerajaannya dari dunia datang ke akhirat.

Adapun kemudian daripada itu mengucap syukurlah aku akan kurnia-Nya yang telah lalu lagi akan datang, bahawa dijadikan aku daripada umat kekasih-Nya Nabi Muhammad salla' Lahu 'alaihi wa's-salam, yang ia penghulu segala Rasul-nya, dititahkan ia kesudah- sudahan segala firman-Nya dan menaskhkan segala syari'at yang dahulu itu berbuat adil serta melakukan amr bi'l-ma'ruf wanahi 'an il-munkar; maka jadi teranglah segala alam dengan cahaya agamanya, sejahtera atasnya dan segala keluarganya dan segala sahabatnya dan atas kita sekalian umatnya. Amin! Ya Rabba 'l-'alamin!

Petikan peruntukan *Hukum Kanun Pahang* seperti di atas menunjukkan doktrin kepada sistem undang-undang dan adat Melayu begitu terserlah berlandaskan ajaran Islam dan mendukung kedudukan seorang raja Melayu sebagai pemegang amanah kedaulatan milik mutlak Allah SWT.

### **Komposisi dan organ-organ pentadbiran kerajaan**

Syahadan maka dijadikannya antara segala makhluknya, iaitu raja seperti firman Allah Ta'ala di dalam Quran *Inni ja ilun fi' 'ardi khalifah*. Ertinya "Bahawa sesungguhnya aku hendak menjadikan raja dalam bumi akan ganti-Ku," yakni

raja-raja itu pada mengira-ngirakan ehwal segala hambanya, ialah mengawal dia; jikalau tiada raja-raja itu, nescaya tiada akan bertentu ehwal segala rakyatnya, maka jadilah mereka itu seperti kambing bergembala, maka dimakanlah oleh yang keras akan yang lemah. Bahawa pada orang yang tiada budiman itu adalah raja dan nabi itu umpama sebentuk cincin dua permatanya. Setelah nyatalah, bahawa raja itu pada martabat nabi, baginya mengikut af'alnya dan mengira-ngirakan ehwalnya segala ummatnya, maka diperbuatnya oleh raja-raja itu segala pegawainya akan dinding tiang kerajaan, maka disuruhkannya supaya dapatlah ia istirahat atas kerajaannya.

Bermula dijadikan oleh segala raja itu Mangkubumi dan Menteri, maka diserahkan segala hukum dan istiadat tertib kerajaan dan ehwal segala negeri, ialah menentukan dia.

Dan dijadikannya Penghulu Bendahari, maka diserahkan segala khazanahnya, dan menyurat daftar segala hambanya dan mengira-ngira segala hasil yang naik kepadanya, dan memerintah segala pekerjaannya yang di dalam pagar istana; ialah yang menentukan segala pekerjaannya itu.

Dan dijadikannya Temenggung, maka diserahkan segala pekerjaan negeri kepadanya seperti kota, parit, dan segala orang yang terhukum, dah disiasatnya segala ehwal pasara, seperti lorong dan pekan dan seperti sukatan dan timbangan, hendaklah genap seperti adatnya, jangan berlebih-kurang, ialah Raja pada malam mengawali segala orang yang nakal di dalam negeri, senantiasalah bertanggung pekerjaan itu atasnya.

Dan dijadikannya oleh raja-raja akan membaiki segala perintah dan menjaga-jaga. Dan dijadikannya kerah-kerahan akan menyurat daftar segala hulubalang besar dan kecil: apabila sudah tersurat daftar itu, dialah yang tahu akan bilangan mereka itu.

Dan dijadikan oleh segala raja-raja itu hulubalang akan perhiasan kerajaannya dan bagi menolakkan mara bahaya Raja; ialah akan melindungi segala seteru musuh yang datang ke negerinya, dan pergantungan segala rakyatnya; atasnyalah bertanggung segala pekerjaan itu.

Dan dijadikan oleh segala raja-raja Syahbandar, iaitu raja segala dagang; maka diserahkan kepadanya segala pekerjaan kuala akan memeriksai ehwal segala perahu yang pergi datang, dan kepadanya terserah segala pekerjaan itu. Syahadan dimenangkan oleh segala raja-raja itu akan hambanya yang karib akan ganti mata telinganya menyidik-nyidik ehwal segala tanteranya dan menanggung segala rahsianya.

### **Pengagihan kuasa eksekutif antara organ-organ pentadbiran**

Adapun segala raja-raja itu umpama seorang utusan yang berbuat tanaman; maka diaturnya segala tanamannya itu mana-mana kesukaan hatinya, ada yang layak di tepi, ada yang layak di atas jambangan, masing-masing dihantarkan kepada martabatnya; kerana maksudnya berbuat tanaman itu akan pusaka kepada anak chuchunya serta memberi manfaat bagi dirinya, seperti bunga

dengan bau-bauan, atau akan pernaungannya atau akan ubat kesakitannya: demikianlah maksudnya segala orang yang berbuat tanaman itu. Syahadan tahulah ia akan cita rasanya dan segala buahnya dan harum baunya segala bunganya telah maklumkan kepada yang empunya tanaman itu, shahadan jika dilihatnya tiada akan memberi manfaat akan dirinya, maka dibantunnya dengan ubi-akarnya, digantinya pula dengan pokok yang lain. Demikianlah hal segala raja, seperti berbuat tanam tanaman, maka itulah faedahnya.

Adapun fakih dan segala menteri itu hendaklah mengamalkan tujuh syarat: Pertama-tama, syukur akan kurnia Allah Ta'ala dan Rasul-Nya.

Kedua, didahulukan kebaktiannya akan Allah Ta'ala daripada kebaktian akan rajanya.

Ketiga, hendaklah senantiasa cita-citanya itu menyempurnakan pekerjaan rajanya jua dengan perbuatan yang adil, dan disegerakannya segala hukum hamba Allah yang mengadukan hal kepadanya.

Keempat, hendaklah jangan bersalahan barang suatu pekerjaannya dengan dalil dan hadith; dan jangan lupa barang yang dititahkan Rajanya itu, hendaklah berhadapan nyawanya dan hatinya dan segala anggotanya mengerjakan dia.

Kelima, redalah ia pada barang halnya, kerana yang reda itu daripada perangai orang yang beberapa kesakitan dicuba Allah Ta'ala akan dia, jika ada ia sabar atas segala bala-Nya itu, maka ditinggikannya martabatnya itu dan dipermuliai akan dia dengan sempurna kemuliaan.

Keenam, hendaklah dipenjarakannya nafsunya daripada segala perangai yang keji seperti firman Allah Ta'ala di dalam Quran: Faman ya'mal mithqala dharratin khairan yarah, waman ya'mal mithqala dzarratin syarran yarah; ertinya, barang siapa berbuat kebajikan, nescaya diperolehnya kebajikan jua dan barang siapa berbuat kejahatan, nescaya diperolehnya kejahatan jua balasannya itu.

Ketujuh, hendaklah senantiasa pagi dan petang ia hadir di balai Raja, dan barang siapa yang tiada, maka disuruhnya panggil dan diringankannya lidah serta dengan manis mukanya berkata-kata dengan segala mereka itu dan dipersembhkannya barang yang didapati oleh akalunya, dan jikalau dimurkai Raja sekalipun, kerana yang adat hamba itu sedia menanggung murka dan nista tuannya jua, maka sempura hamba namanya; itulah perangai yang mulia pada segala raja-raja.

Adapun Penghulu Bendahari itu hendaklah ia mengamalkan sembilan syarat: Pertama, benar pada barang katanya, kerana yang benar itu menyambutkan tirai kekasihnya dan menolakkan segala kejahatan dirinya

Kedua, usaha lagi hemat akan permainan rajanya. Ketiga, menjenakati hamba raja yang terserah kepada supaya kasih dan redalah ia pada mengerjakan segala pekerjaannya.

Keempat, zahirkan segala barang yang dikehendaki rajanya itu melainkan jika tiada di dalam negeri itu, maka tiadalah kepadanya.



Kelima, mengasihi perempuan hamba raja yang karib di dalam.

Keenam, dimasukkannya isterinya seperti kelakuan hamba raja yang di dalam istana.

Ketujuh hendaklah senantiasa menatap segala yang terserah kepadanya kerana persantapan raja datang daripada rumahnya; syahadan akan hal dunia ini tiada sekali-kali dapat dipercayai.

Kedelapan, jangan disegerakannya barang yang ada kepadanya itu. Kesembilan, hendaklah senantiasa citanya memenuhi perbendaharaan tuannya dan menyidik-nyidik apa-apa yang kesukaan hati tuannya: maka itulah perangai yang mulia pada segala raja-raja.

Adapun Temenggung itu hendaklah mengamalkan dengan tujuh syarat: Pertama, menaruh penjurit akan memeliharakan dirinya.

Kedua, jaga.

Ketiga, jauh pendengarnya dan penglihatannya, maka hendaklah ia pada tiap-tiap hari memeriksai segala orang yang terhukum seperti rantai dan belunggu dan kongkong dan pasungan dan penjara, kerana pekerjaan itu atas nyawanya.

Keempat, jangan memandang muka-muka, supaya hasil segala pekerjaan yang dititahkan rajanya.

Kelima, hendaklah mencari kerapatan yang baik; kerana pekerjaan amat sukar.

Keenam, hendaklah ia sabar kepada barang suatu kata-kata yang didengarnya, kerana orang yang memuliakan amar tuannya itu senantiasa diumpat-umpat dan dicerca orang.

Ketujuh, hendaklah ia sepakat ketiganya.

Adapun yang hulubalang itu hendaklah ia mengamalkan empat syarat: Pertama, murah.

Kedua, menjaga segala keluarganya.

Ketiga, menghimpunkan segala tipu berperang. Keempat, bermain pelbagai senjata, kerana yang

hulubalang itu umpama seorang tabib, menilik ia pada isterinya, maka dikira-kirakan-nya dari mana datang penyakit akan dia, maka hendaklah ia mencari ubatnya, dihadirkannya akan menolakkan segala penyakit dari pada isterinya itu; maka itulah perangai yang mulia pada segala raja-raja.

Adapun Syahbandar itu hendaklah ia mengamalkan lima syarat: Pertama, hendaklah ia muafakat dengan Penghulu Bendahari kepada mengirangirakan segala hasil raja.

Kedua, hendaklah banyak syafakat dengan segala dagang: dagang itu makmurkan negeri dan meramaikan bandar; jikalau tiada dagang, nescaya tiada hasil akan raja, dan manfaat akan dirinya pun berkurangan.

Ketiga, jikalau dagang itu teraniaya, maka hendaklah segera disampaikan kepada segala orang besar-besar dan kepada raja.

Keempat, menyidik-nyidik khabar yang datang dari negeri yang lain.

Kelima, disegerakan tafahhus akan segala perahu yang pergi datang dan dihadapkannya segala kelengkapan menolong segala dagang: itulah perangai yang mulia pada segala raja-raja.

Adapun segala hamba Raja yang karib itu hendaklah ia mengamalkan enam syarat. Pertama, hendaklah senantiasa karar hatinya dan mata telinganya pada menyidik-nyidik apa-apa yang kecelaan tuannya datang dan yang menyakiti segala rakyat Rajanya itu, hendaklah segera dipersembhkannya pada raja, maka raja pun tahulah akan dia. Apabila diketahui oleh raja tiada dengan dipersembhkannya, maka hati raja pun kuranglah akan dia, adanya.

Kedua, hendaklah jangan dengki ia dengan samanya Islam, kerana yang dengki itu perangai yang amat keji dan penyakit yang amat pedih, kerana Allah Subhanabu Wa Ta'ala pun tiada perkenan, dan kepada raja pun tiada berguna dan di atas diri pun akhir jadi kesakitan, hendaklah dibuangkannya segala perangai yang karatan itu.

Ketiga, hendaklah berani ia berdatang sembah pada ketikanya, jikalau kira-kira dimurkai raja sekalipun, kerana ada hamba itu bukan memberi kecelaan kepada tuannya melainkan kemuliaan kepada dirinya jua.

Keempat, jangan ghurur akan kurnia Rajanya dan harap kebaktian, kerana yang megahkan diri itu bukan kepujiannya, adanya; dan jangan pada citanya, jikalau barang suatu perbuatannya tiada dihalusi Raja-nya, jikalau sudah sekalipun perbuatannya itu, bahawa didiamkannya, jangan pada kira-kiranya akan raja itu malu muka akan dia, kerana pekerjaannya yang demikian itu raja hendak melihatkan budinya atau menantikan pada ketikanya.

Kelima, hendaklah ia baik-baik menaruh rahsia Rajanya, kerana yang rahsia itu suatu amanat tuannya pada segala hambanya yang pilihan.

### **Hubungan dengan rakyat**

Adapun kemudian daripada itu, inilah menyatakan hukum resam di dalam negeri Pahang dan Johor dan Perak yang terpakai di negeri Melayu daripada zaman dahulu kala:

(1) Bab yang pertama pada menyatakan segala yang dilarangkan oleh raja-raja iaitu segala yang kuning seperti tabir dan alasan talam dan barang sebagainya seperti perhiasan rumah kamu, melainkan segala yang lekat pada tubuh kamu seperti baju destar kamu dan barang sebagainya; dan demikian lagi emas pun seperti tetampan baju dan putar-putar emas dan rambu kain emas, dan barang sebagainya seperti perhiasan alat kerajaan. Maka barang siapa memakai dia, hukumnya dirampas. Adapun pada kaul khiyar hukum resam, dibunuh, kerana ia menyerupai alat kerajaan dan melalui amar raja-raja; dan barang siapa hendak berbuat dia, melainkan dipohonkan kepada raja, maka dapat diperbuatnya.

Adapun pada kaul hukum resam, segala yang kuning itu dapat diambilkan akan telinga tabir dan akan sibar segala pakaian lain daripada yang telah tersebut itu; pakailah oleh kamu sekalian kerana ia akan menambahi kemuliaan dan perhiasan segala raja-raja.

(23) Peri pada menyatakan hukum segala orang yang derhaka akan Raja.

Hukumnya diseksa dengan tiga ratus enam puluh bagainya. Seksa sebilang urat, maka hartanya dirampasi, anak isterinya jadi hamba raja. Maka orang itu diberi azab selama-lamanya dengan seratus empat puluh delapan bilang tulang manusia. Jikalau ia sudah mati, dibelah empat, maka dibuangkan empat daksina. Demikian lagi barang siapa syarikat dengan dia. Adapun barang siapa mendengar khabarnya, maka tiada dipersembahkannya pada Raja, hukumnya dikerat lidahnya dan dipasak kedua telinganya dan dicungkil kedua matanya, dibuangkan pada tempat yang khali. Maka hendaklah kamu sekalian, jikalau mendengar khabar yang memberi mudarat akan raja kamu, segera kamu persembahkan kepada Raja atau kepada segala orang yang karib kepada raja. Jikalau khabar itu tiada bertentu sekali pun kepada Raja, tiada akan memberi mudarat atas diri kamu.

*Wa-qad qurinati 'l-ri'salatu'l-mu'allafatu bi-ta'rikh sanati alfa wa-arba'a min hijrati'l-nabiyyah 'l-mustafa 'ala zuhuri 'l-syari'at, afdal al-salat wa'l-mulk wa'l-tahiyat 'ala sahibina wahiya min sanati 'l-za'ra tis'a wa-'ishrina yauman min shahri 'l-Muharram, min ta'lifi'l-Sultani'l- 'adil al-basil al-kamil 'Abd al-Ghafur Muhaiyu'd-din Shah Khalifat buldan.*

(57) Peri pada menyatakan hukum orang yang derhaka pada raja-raja yang adil.

Dinyatakan derhakanya meninggalkan dirinya pada suatu tempat, diperbuatnya kota. Maka dipanggil disuruh berbuat kebaktian. Jika menurut, dia diampuni; jika tiada ia menurut, hendak melawan serang, dilawan berperang. Jika ia kembali hendak berbuat kebaktian pada Raja itu, diampuni.

Bermula tiada harus dibunuh mereka itu segala yang tiada melawan mereka itu dan tiada harus ditawan jangan ditambahi luka mereka itu dan jangan dirampas hartanya segala mereka itu.

(61) Hukum perang sabil dengan janji hendaknya ada tujuh syarat.

Pertama, Islam. Kedua, baligh. Ketiga, berbudi. Keempat, laki-laki. Kelima, sihat. Keenam, berani. Ketujuh, keras akan berperang.

Bermula apabila kafir ditawan, hukumnya dua perkara: Seperkara, menjadi hamba dengan tawan itu segala kanak-kanak dan segala perempuan. Seperkara, tiada jadi hamba dengan tawan itu segala laki-laki yang baligh.

Bermula raja memilih antara mereka itu di dalam empat perkaranya: Dibunuh atau diperhamba atau dilepaskan atau dipintai harta, dilepaskan. Yang kebajikan dipekerjakan barang siapa Islam dahulu daripada tertawan, terpelihara hartanya dan segala anaknya yang belum baligh. Dihukumkan kanak-kanak hukum Islam dengan tiga syarat:

Pertama, jika ada ibu bapanya Islam atau, (Kedua) neneknya Islam seorang daripada bapanya atau, (Ketiga) didapat ia lagi kecil di dalam negeri Islam.

(66) Bismil ‘Llahi ‘r-Rahmani ‘r-Rahim. Qala lLahu Ta’ala: Wa’ati ‘u-Llahu w’a’ati ‘ur-rasula wa ‘uli-l-amr minkum.

Bermula segala menteri dan sida-sida dan bala tenteranya sekalian hendaklah mengikut seperti firman Allah Ta’ala itu diturut dilakukan seperti *amara bi’l ma’ruf wa-l-nahi ‘ani’l-munkar*. Itulah pekerjaan segala menteri dan segala orang yang memegang pekerjaan negeri itu. Hendaklah kamu sekalian dari pagi duduk di balai kerana segala hamba Allah banyak diserahkan Allah kepada Raja disuruhnya kau belai kerana sabda Rasul Allah *sall’allahu ‘alaihi wa-sallam*:

*Qullukum raa’in wa-qullukum mas’ulun ‘an ra’iyyatihi*; yakni “Segala kamu lagi akan ditanya daripada kau bela (rakyat) kamu.” Sebab itulah jika dapat, hendaklah disudahkan barang pekerjaannya di dalam dunia supaya kita ringan di dalam akhirat. Kerana jikalau raja adil sekalipun, jika tiada menteri dan segala orang di dalam negeri itu melakukan dia, tiada akan dapat berlakukan adil Raja itu.

Bermula jika ada Raja itu berani dan bijaksana tahu sekalipun, jika menteri dan rakyat sekalian tiada sepakat, tiada akan sentosa; seperti api jika tiada kayu, tiada akan bernyala api itu; demikian lagi Raja dan Menteri.

Bermula yang rakyat bala itu penaka bumi. Hadis: *Al-abdu tinatun min tini’l mawla*, “Yang hamba itu tanah tuannya; Jika bumi tiada, suatu pun tiadalah,” kerana kata Farsi: “*Al-ra’iyyat bekh, al-Sultan darakht*,” yakni bala itu umpama akar, yang Raja itu umpama pohon kayu, karna jikalau tiada akar pohon pun tiada dapat berdiri. Karna itulah maka aku minta kasih pada kamu sekalian, hubaya-hubaya jangan segan ke balai, *tafahhus* segala keluargamu yang bersalahan itu supaya *yaum al-kiamat* akhirnya kamu diringankan oleh Allah Taala.

(76) Bermula titah Raja akan segala yang dilarangkan Raja Melayu dahulukala.

“Inilah pesanku kepadamu sekalian bala tentera, melarangkan segala yang kuning, jangan diambilkannya kerana birai tilam, dan jangan diambilkannya birai tabir, dan jangan diambilkannya sapu tangan, dan jangan diambilkannya [k-r-ng] benda kamu, dan jangan diambilkannya perhiasan rumah kamu, melainkan akan baju dan destar dan kain, melainkan tiga perkara itu yang dapat dipakai. Bermula

barang siapa memakai dia, denda mati.”

“Bermula barang siapa dari purbakala pun anak orang besar-besar sekalipun anak orang keluaran, tiada dapat memakai gelang kaki emas melainkan anak Raja.”

“Bermula segala orang beremas, jika tiada anugerah, tiada dapat dipakainya, hanyalah kelebihan kami Raja daripada bala sekalian. Itulah kita pinta pada kamu sekalian kerana pusaka pada kita segala raja.”

## Kesimpulan

Analisis undang-undang berlandaskan kerangka Hood Philip dan Jackson menunjukkan Hukum Kanun Pahang memiliki kesemua ciri perlembagaan moden yang ada pada hari ini. Islam berkedudukan tempat yang paling tinggi dalam sistem politik tradisional Melayu kerana konsep kedaulatannya diterima menjadi pegangan falsafah dalam teks undang-undang bertulis yang membentuk sebahagian daripada adat Melayu.

Ciri perlembagaan moden yang termaktub dalam Hukum Kanun Pahang menunjukkan sistem politik dan perundangan yang mantap sudah pun ada di Tanah Melayu jauh lebih awal sebelum tarikh campur tangan kuasa asing dari Eropah. Sudah tiba masanya adat Melayu yang mewakili setiap elemen dari aspek ciri perlembagaan moden disoroti untuk menonjolkan kearifan watan yang diwarisi sejak ratusan tahun dahulu lagi. Dapatan menunjukkan bahawa konsep raja berperlembagaan di Tanah Melayu bukanlah suatu yang asing. Raja Melayu memerintah berpaksikan ajaran agama Islam yang diterjemahkan melalui adat Melayu, tidak seperti ditohmahkan “bersultan di hati beraja di mata”.

## Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Skim Geran Perkhidmatan Perundangan: Sistem Kesultanan Pahang Dari Perspektif Sejarah Perundangan (Al-ASAR.PHG.3.2.K.3 (21). Terima kasih kepada Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah- Muzium Pahang (Al-ASAR) dan pengarahnya YBhg. Dato’ Ahmad Farid bin Abd Jalal. Perunding utama ialah Datuk Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi bin Hashim @ Wan Husain.

## Rujukan

- A.Samad Ahmad (pngr.). (1985). *Kerajaan Johor-Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil. (1972). *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil. (2021). *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liaw, Yock Fang (pngr.). (2003). *Undang-Undang Melaka*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

- Mohamed Anwar Omar Din & Nik Anuar Nik Mahmud. (2009). *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*. Ed. Coffee Table. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Muhammad Yusoff Hashim. (2015). *Kesultanan Melayu Melaka* (ed. Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2018). *Kedaulatan Raja-Raja Melayu: Jurisprudens, Governan dan Prinsip Perlembagaan Persekutuan*. Selangor: Abad Sinergi Sdn. Bhd.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah & Mohamed Anwar Omar Din. (2018). Konsep Kedaulatan dalam Hukum Kanun Melaka. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*. 22 JUUM: 61-73.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2021). Kedaulatan watan teras jati diri bangsa dari perspektif Perlembagaan Terengganu [Indigenous sovereignty as the national core-identity from the Terengganu Constitution perspective]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 1(1), 1-18.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2021). Johor Moden sambung legasi Kesultanan Melayu Melaka. Rencana. Berita Harian, 7 November.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain & Zulfadli Maarof. (2023). Keabsahan Kesultanan Johor Moden Sebagai Pelestari Perdu Legasi Kesultanan Melayu Melaka Menurut Jurisprudens Watan [The Legitimacy of The Modern Johor Sultanate as The Core Heir of The Malay Sultanate Legacy Viewed from Watanic Jurisprudence]. *Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(3): 245-261.
- Wan Husain W.A.F., 'Konsep Kedaulatan Raja-Raja Melayu Menurut Kerangka Peribumi' (2017) 29(2) KANUN 41-73.
- Wan Husain W.A.F., (2021). 'Watanic Jurisprudence: Articulating the Legitimate Elements of the Basic Structure of the Federal Constitution' 29(1) *IIUM Law Journal* 1-2.
- Wan Husain, W. A. F. (2022). *Kedaulatan Malaysia governan utama negara*. Abad Sinergi Sdn. Bhd. dengan kerjasama Penerbit UM).
- Yaakub Isa. (2003). *Hukum Kanun Pahang*. Kuala Lumpur: MacroCity Resources.